

PM: Identiti rakyat sembunyi wang haram di akaun

MELAKA 3 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa identiti rakyat negara ini yang terbukti menyembunyikan wang haram dalam akaun bank di Switzerland akan didedahkan apabila kes berkenaan dibawa ke mahkamah.

Malah, tegas Perdana Menteri, kerajaan tiada sebarang halangan jika ada agensi penguat kuasa undang-undang di negara ini mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit dalam perbuatan tersebut.

“Kita tak akan berasa takut. Akaun siapa pun kalau ada yang salah, kalau dapat didedahkan, silakan.

“Kita bukan hendak cari pendedahan (tetapi) kita nak cari kes. Kalau ada cukup bukti maka kes itu akan dibawa ke mahkamah untuk dibi-cayakan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Dunia Mela-yu Dunia Islam Ketiga di Tanjung Kling di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas perkembangan kerjasama antara kerajaan Switzerland dengan pihak berkuasa Malaysia dalam memberi maklumat mengenai penyasatan wang haram dari rakyat negara ini yang disimpan dalam bank di negara tersebut.

Jaminan itu diberikan oleh Presiden Swit-zerland, Kaspar Villiger kepada Dr. Mahathir pada perbincangan antara kedua-dua pemim-pin itu semasa mesyuarat delegasi Malaysia-Switzerland ketika lawatan Perdana Menteri ke negara itu, Jun lalu.

Di bawah kerjasama itu, kerajaan Switzer-land diminta oleh Malaysia membantu penyia-satan terhadap kegiatan jenayah kewangan membabitkan rakyat negara ini terutama ber-kaitan kes Perwaja Steel (Perwaja) yang diper-cayai sebahagian dananya dimasukkan ke da-lam bank-bank di negara berkenaan.

bank Switzerland akan didedah

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir memberitahu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah berhubung dengan pihak berkuasa Switzerland dan siasatan sedang dijalankan.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Kewangan menjelaskan bahawa setakat ini beliau belum mendapatkan sebarang maklumat mengenai hasil siasatan yang dijalankan itu.

“BPR sedang menjalankan siasatan. Saya belum mendapat sebarang maklumat. Yang terakhir apabila saya balik (dari Switzerland), saya tanya apa hasil penemuannya, belum tahu lagi,” katanya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, BPR tidak perlu memaklumkan kepada beliau berhubung hasil siasatan yang dijalankan itu.

Ditanya mengenai siasatan yang turut mem-babitkan individu tertentu yang menjalankan jenayah kewangan dan tidak terhad kepada kes Perwaja semata-mata, Dr. Mahathir berka-ta:

“Bukan kita nak cari maklumat orang itu (sama ada) jahat atau sebagainya. Bukan tu-juan itu,” tambahnya.